

**HUBUNGAN GAYA PENGAJARAN GURU DENGAN PENCAPAIAN  
AKADEMIK PELAJAR BAGI MATA PELAJARAN PERDAGANGAN  
DI SEKOLAH MENENGAH TEKNIK DATUK SERI MOHD ZIN  
ALOR GAJAH MELAKA**

**JIDARULAILA BINTI SALLEH**

**Laporan projek ini dikemukakan  
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat penganugerahan  
Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik Dan Vokasional.**

**Fakulti Teknologi Kejuruteraan  
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn**

**MAC, 2003**

*Untuk insan-insan yang teristimewa dan disayangi....*

*Buat suami tersayang Mohd Nazal Bin Md Ghazali, semoga kebahagiaan  
mengiringi kita hingga ke akhir hayat dan segala apa yang  
dicita-citakan akan menjadi kenyataan.*

*Buat abah dan mak yang dikasihi, segala jasa dan pengorbanan serta  
berkat doa kalian berdua menjadi penyuluhan dan tiang  
kepada kejayaan anakmu ini.*

*Buat abah dan emak mertua yang dihormati, segala kata-kata  
perangsang yang diberikan akan dijadikan panduan  
untuk menempuh kehidupan akan datang.*

*Buat abang, kakak, adik dan anak buah yang diingati,  
semoga perjalanan hidup kita diberkati  
Allah hendaknya.*



*“Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang”*

Syukur ke hadrat Ilahi atas limpah dan kurnia-Nya maka dapatlah saya menyiapkan kajian ini dengan selamat dan jayanya. Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga diucapkan kepada Tuan Haji Mohd Salleh B. Haji Tahar selaku pembimbing yang telah banyak memberi dorongan, bimbingan dan tunjuk ajar sepanjang tempoh kajian ini tanpa rasa letih dan jemu.

Terima kasih juga kepada pensyarah-pensyarah Jabatan Teknik Dan Vokasional, Koleh Universiti Teknologi Tun Hussein Onn juga individu yang telah banyak membantu, menyumbang idea dan cadangan, serta pihak-pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung di sepanjang projek ini disiapkan.

Akhir sekali teristimewa kepada keluarga dan suami yang telah banyak memberikan dorongan, perangsang, bantuan dan pengorbanan yang tidak ternilai. Hanya Allah sahaja yang membalaunya.

## ABSTRAK

Kajian ini menumpukan kepada hubung kait antara gaya pengajaran guru dengan pencapaian akademik pelajar. Pencapaian akademik diukur melalui gred yang diperolehi pelajar pada peperiksaan akhir tingkatan 4 bagi mata pelajaran perdagangan. Tujuan kajian ini ialah untuk melihat gaya pengajaran yang digunakan oleh guru dan sejauh mana gaya pengajaran ini memberi kesan terhadap pencapaian akademik pelajar. Selain itu kajian ini juga menumpukan kepada gaya pengajaran yang bagaimana diminati oleh mereka dalam membantu mencapai prestasi akademik yang lebih baik. Kajian ini dijalankan ke atas 62 orang pelajar kursus Pengurusan Perniagaan di Sekolah Menengah Teknik Datuk Seri Mohd Zin Alor Gajah Melaka yang mengambil mata pelajaran Perdagangan sebagai sampel. Keseluruhan data telah dianalisis menggunakan program *Statistical Package for Social Science (SPSS) Version 10.0* dengan mendapatkan nilai peratusan, jumlah, skor min dan kolerasi. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat hubungan di antara gaya pengajaran guru dengan pencapaian akademik pelajar Pengurusan Perniagaan di Sekolah Menengah Teknik Datuk Seri Mohd Zin Alor Gajah Melaka. Oleh yang demikian dapat dirumuskan bahawa gaya pengajaran guru mempengaruhi pencapaian akademik pelajar bagi mata pelajaran perdagangan.

**ABSTRAC**

This study focuses on the correlation between teacher's teaching styles and student's academic achievements. The academic achievements are measured through the grades obtained by the students in their form our final examination's commerce subject. The purpose of this study is to observe the teacher's teaching style and in to what extend does these style affected the students' academic achievements. The study undertaken also to identify the student preferences in teacher's teaching style and able to increase the level of student's academic performance and achievements. The samples of this study are a group of 62 students of Business Management in Sekolah Menengah Teknik Datuk Seri Mohd Zin, Alor Gajah Melaka who take commerce subject. The data obtained were analysed using the Statistical Package for Social Science (SPSS) Version 10.0 to obtain the percentage, volume, min score and correlation. The findings of this study show significant correlation between teacher's teaching style and the academic achievements of Business Management students in Sekolah Menengah Teknik Datuk Seri Mohd Zin, Alor Gajah Melaka. Therefore this study confirms the notion that teacher's teaching styles have significant effect on students' achievements in the commerce subject.

## KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	<b>BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS</b>	
	<b>BORANG PENYELIA</b>	
	<b>JUDUL</b>	i
	<b>PENGAKUAN</b>	ii
	<b>PENGHARGAAN</b>	iv
	<b>ABSTRAK</b>	v
	<b>ABSTRACT</b>	vi
	<b>KANDUNGAN</b>	vii
I	<b>SENARAI JADUAL</b>	xi
	<b>SENARAI RAJAH</b>	xii
	<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xiii
	<b>PENGENALAN</b>	
	1.1 Pendahuluan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	2
	1.3 Pernyataan Masalah	4
	1.4 Objektif Kajian	5
	1.5 Persoalan Kajian	5
	1.6 Kepentingan Kajian	6
	1.7 Skop Kajian	6
	1.8 Batasan Kajian	7

1.9	Definisi Istilah	7
1.10	Rumusan	9

## II SOROTAN KAJIAN

2.1	Pengenalan	10
2.2	Pengajaran Dan Pembelajaran	11
2.3	Teori Pengajaran	12
2.4	Model Pengajaran	12
2.4.1	Model Pengajaran Robert Glaser (1962)	13
2.4.2	Model Ekspositori	14
2.4.3	Model Pengajaran Sim	15
2.5	Gaya Pengajaran	16
2.6	Gaya Pengajaran Dan Pencapaian Akademik Pelajar	24
2.7	Teori Keinginan Pencapaian	27
2.8	Rumusan	27

## III METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	29
3.2	Reka Bentuk Kajian	29
3.3	Populasi Dan Sampel	30
3.4	Sumber Data	31
3.5	Instrumen Kajian	31
3.6	Kajian Rintis	33
3.7	Pengumpulan Data	34
3.8	Penganalisisan Data	35
3.9	Prosedur Kajian	38
3.10	Rumusan	39

**IV ANALISIS DATA**

4.1	Pengenalan	40
4.2	Analisis Kajian	41
4.2.1	Bahagian A: Demografi Responden	41
4.2.2	Bahagian A: Latar Belakang Dan Pencapaian Akademik Responden	42
4.3	Bahagian B: Kelaziman Gaya Pengajaran Guru Yang Digunakan Semasa Mengajar Mata Pelajaran Perdagangan	44
4.4	Hubungan Gaya Pengajaran Dengan Pencapaian Akademik Pelajar	49
4.5	Bahagian C: Minat Pelajar Terhadap Gaya Pengajaran Guru Bagi Mata Pelajaran Perdagangan	51
4.6	Rumusan	54

**V PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN**

5.1	Pengenalan	55
5.2	Perbincangan	55
5.2.1	Kelaziman Gaya Pengajaran Yang Diamalkan Oleh Guru	56
5.2.2	Pencapaian Akademik Pelajar Kursus Pengurusan Perniagaan	59
5.2.3	Minat Pelajar Terhadap Gaya Pengajaran Guru	62
5.3	Kesimpulan Dapatan Kajian	64
5.4	Cadangan	66
5.5	Rumusan	67

6.1	Pengenalan	68
6.2	Latar Belakang Teori Penghasilan Produk	68
6.3	Objektif Penghasilan Garis Panduan Gaya Pengajaran	69
6.4	Reka Bentuk Produk	69
6.4.1	Bentuk Dan Ciri-Ciri Produk	70
6.4.2	Dokumentasi Produk	70
6.5	Kronologi Pembinaan Produk	70
6.5.1	Hasil Dapatan Dari Penganalisisan Data	71
6.5.2	Analisis Keperluan Bagi Pembinaan Produk	72
6.5.3	Kenal Pasti Pengguna	72
6.5.4	Bina Objektif Garis Panduan Bertingkah Laku	72
6.5.5	Tatacara Gaya Pengajaran Dan Bina Garis Panduan Sebenar	72
6.5.6	Semak Semula Garis Panduan	73
6.5.7	Garis Panduan Gaya Pengajaran Yang Sebenar	73
6.6	Kandungan Garis Panduan Gaya Pengajaran Model Peribadi Dan Fasilitator	73
6.7	Cadangan Pembaikan	73
6.8	Rumusan	74
	BIBLIOGRAFI	75
	LAMPIRAN	80

## SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
1.1	Tahap Pencapaian Akademik Responden	8
2.1	Sifat Guru Dan Kesannya Terhadap Tingkah Laku Pelajar	18
2.2	Gaya Pengajaran Guru	22
3.1	Pembahagian Soalan Mengikut Gaya Pengajaran Guru	32
3.2	Soalan Berkenaan Minat Pelajar Terhadap Gaya Pengajaran	32
3.3	Jadual Tahap Kecenderungan Min	35
3.4	Klasifikasi Kekuatan Kolerasi	36
3.5	Pengelasan Mengikut Pemusatan Guru Dan Pemusatan Pelajar	38
4.1	Analisis Maklumat Responden	41
4.2	Pencapaian Pelajar Dalam Mata Pelajaran Perdagangan Peringkat PMR	42
4.3	Pencapaian Pelajar Bagi Mata Pelajaran Perdagangan Pada Peperiksaan Akhir Tingkatan 4	43
4.4	Skor Min Bagi Gaya Pakar	44
4.5	Skor Min Bagi Gaya Wibawa Formal	45
4.6	Skor Min Bagi Setiap Gaya Pengajaran Model Peribadi	46
4.7	Skor Min Bagi Setiap Gaya Pengajaran Fasilitator	47
4.8	Skor Min Bagi Setiap Gaya Delegator	48
4.9	Hubungan Gaya Pengajaran Guru Dengan Pencapaian Akademik Pelajar Bagi Mata Pelajaran Perdagangan	50
4.10	Skor Min Bagi Gaya Pengajaran Pakar, Wibawa Formal Dan Model Peribadi	51
4.11	Skor Min Bagi Gaya Pengajaran Fasilitator Dan Delegator	53

**SENARAI RAJAH**

<b>NO. RAJAH</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
2.1	Kesan Pengajaran Yang Ideal	12
2.2	Proses Pengajaran Model Robert Glaser (1962)	13
2.3	Model Pengajaran Ekspositori	14
2.4	Model Pengajaran Sim	15
3.1	Kitaran Kajian	38
6.1	Carta Alir Bagi Pembinaan Produk	71



PTTA UTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

**SENARAI LAMPIRAN**

<b>LAMPIRAN</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
LAMPIRAN A	Borang Soal Selidik	80
LAMPIRAN B	Analisis Kajian Rintis	86
LAMPIRAN C	Analisis Demografi Responden	90
LAMPIRAN D	Analisis Data Bahagian B	92
LAMPIRAN E	Analisis Kolerasi	101
LAMPIRAN F	Analisis Data Bahagian C	103
LAMPIRAN G	Contoh Produk	108



## **BAB I**

### **PENGENALAN**

#### **1.1 Pendahuluan**

Pengajaran dan pembelajaran merupakan proses yang penuh dengan cabaran. Tiada suatu kaedah dan pendekatan yang terbaik untuk sesuatu keadaan dan situasi tersebut. Pengajaran dan pembelajaran membabitkan beberapa pihak seperti guru, pelajar dan persekitaran. Isu dan masalah berkaitan tentang kefahaman, perlaksanaan dan sokongan pelbagai pihak yang terlibat harus diteliti dan diatasi. Pengetahuan yang luas, kesefahaman semua pihak yang terlibat adalah penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Guru merupakan tunggak dan pendorong kepada semua proses pengajaran dan pembelajaran yang berlaku di kalangan pelajar-pelajar sama ada di dalam atau di luar bilik darjah. Kedua-dua peranan tersebut adalah penting dalam usaha membantu pelajar meningkatkan keinginan untuk meneroka alam akademik. Justeru (Omardin, 1999) guru harus menggunakan kemahiran mengajar yang ada untuk menarik minat pelajar, bukan sahaja untuk meneruskan proses pembelajaran, malah untuk membantu para pelajar melangkah batasan keupayaan agar dapat terus maju dalam bidang akademik.

Oleh yang demikian guru disarankan melakukan perubahan dalam gaya pengajaran mereka di bilik darjah supaya disesuaikan dengan gaya pembelajaran pelajar dalam membantu pelajar-pelajar mencapai prestasi akademik yang cemerlang.

Dunne (dalam Bennett dan Carre, 1993) dalam kajian yang dilaksanakan olehnya menjelaskan bahawa gaya pengajaran merupakan cara atau teknik seseorang guru dalam menyampaikan isi pengajaran mereka. Gaya pengajaran adalah berkaitan dengan penyampaian, interaksi dan ciri-ciri personaliti guru. Selain itu Dunne menjelaskan bahawa gaya pengajaran adalah penting kerana memberi kesan terhadap penerimaan para pelajar berkenaan isi pengajaran yang disampaikan.

Gaya pembelajaran seseorang pelajar itu boleh dijadikan sebagai petunjuk kepada guru untuk menggunakan gaya pengajaran yang sesuai. Guru seharusnya memahami gaya pembelajaran pelajar dan menganggap perbezaan yang ada pada diri seseorang pelajar itu merupakan satu keistimewaan dan mereka dapat menggunakan keistimewaan itu secara berkesan dalam pembelajaran mereka (Abdullah dan Khatijah, 2002).

Apabila gaya pengajaran, sumber dan program dipadankan-suai dengan gaya belajar pelajar, maka pencapaian akademik dan sikap pelajar akan meningkat. Gaya belajar seseorang adalah berbeza antara satu dengan lain tanpa mengambil kira umur, status sosioekonomi atau *Intelligence Quotient* (IQ) dan guru seharusnya peka terhadap perkara-perkara tersebut.

## 1.2 Latar Belakang Masalah

Bidang pendidikan masa kini menghadapi cabaran yang sangat besar terutamanya faktor globalisasi yang seolah-olah menuntut perubahan dalam dunia pendidikan. Ini menjadikan tugas guru atau pendidik untuk melahirkan ramai pelajar mahupun graduan yang cemerlang adalah semakin kompleks.

Secara umumnya guru ataupun pendidik adalah orang yang memberikan ilmu pengetahuan kepada pelajar dan membantu mereka untuk mencapai kecemerlangan dalam pelajaran. Lantaran menjadikan pelajar itu seorang yang berguna kepada agama, keluarga, bangsa dan negaranya. Bagi menjadi seorang guru yang berjaya adalah terletak kepada bagaimana mereka menyesuaikan diri dalam dunia

pendidikan. Kejayaan seorang guru biasanya dikaitkan dengan bagaimana cara seseorang itu mengajar di dalam kelas yang seterusnya dapat menarik minat pelajar untuk terus mengikuti proses pengajaran tersebut.

Dalam pengajaran Perdagangan terdapat aspek-aspek yang memerlukan aplikasi khususnya menerusi kerja-kerja praktis seperti perniagaan runcit, perkhidmatan bank, insurans dan perhubungan. Bagi memudahkan pembelajaran ini guru disarankan untuk mewujudkan pengajaran secara realistik contohnya secara demonstrasi. Namun, apa yang berlaku pelajar-pelajar diajar tentang dunia Perdagangan lebih secara teori. Pola penyampaian guru lebih kepada penyampaian sehalia iaitu guru kepada pelajar (Sukumaran, 1992).

Pelbagai bentuk gaya pengajaran yang disyorkan dari masa ke semasa. Antaranya ialah pengajaran dan pembelajaran koperatif dan kolaboratif, penyebatian kemahiran berfikir, kontekstual, masteri dan sebagainya. Kesemua gaya pengajaran ini adalah untuk memastikan proses pengajaran dan pembelajaran berjalan dengan lebih tersusun bagi mencapai objektif yang ditetapkan.

Laporan Penilaian Kurikulum Baru Sekolah Menengah (KBSM) yang dibuat oleh para pensyarah maktab-maktab perguruan di Malaysia mendapati sebilangan besar guru-guru tetap dan kekal mengamalkan gaya pengajaran sehalia “*chalk and talk*”. Kenyataan di atas disokong Jemaah Nazir Sekolah yang menjelaskan bahawa guru masih kekal dengan peranan lama mereka sebagai pengajar (Abdullah dan Khatijah, 2002).

Sementara itu guru-guru masih menjalankan aktiviti pengajaran dan pembelajaran ke arah peperiksaan semata-mata. Dengan memberi fokus kepada peperiksaan semata-mata akan menjadi sesuatu pengajaran itu kurang menumpukan kepada pengajaran pembelajaran yang menyeluruh. Pembelajaran merupakan satu proses interaksi yang melibatkan pelajar, pengajar dan persekitaran. Interaksi individu dengan persekitaran adalah penting bagi mewujudkan pengalaman yang pelbagai dan menyeluruh untuk terjadinya pembelajaran yang berkesan .

Melihat kepada pencapaian akademik pelajar bagi satu-satu mata pelajaran, terdapat beberapa faktor yang perlu dipertimbangkan, antaranya ialah pengaruh keluarga, persekitaran, rakan sebaya dan scbagainya (Nasuddin dan Kamariah, 1996).

Pencapaian pelajar dalam pelajaran sering dikaitkan dengan cara guru itu mengajar. Oleh itu guru disarankan melakukan perubahan dalam gaya pengajaran mereka di bilik darjah supaya disesuaikan dengan gaya pembelajaran pelajar. Namun adakah perkara ini berlaku? Guru juga didesak untuk menggalakkan inisiatif pelajar dan memberinya peluang untuk menyumbang dalam pembelajaran diri. Guru sering meluahkan rasa kekecewaan atas sikap pasif pelajar menerima pengajaran mereka tanpa memikirkan bahawa pelajar juga mungkin kecewa dengan gaya pengajaran guru. Dengan memahami gaya pembelajaran seseorang pelajar dengan cara yang terbaik akan membantu guru mengurangkan kekecewaan terhadap dirinya dan kekecewaan pelajar tersebut.

Gaya pengajaran yang digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran memberi impak yang besar terhadap minat dan kefahaman pelajar dalam satu-satu mata pelajaran yang diajar. Seterusnya kedua-dua unsur ini boleh mendorong seseorang itu maju dalam pelajaran mereka (Atan, 1993).

### 1.3 Pernyataan Masalah

Dalam proses pengajaran guru bukan sahaja perlu mengetahui dan memahami isi kandungan yang hendak diajar malah juga kedua aspek ini penting dalam menentukan bagaimana cara hendak mengajarnya secara efektif, sejajar dengan objektif-objektif pengajaran. Ini kerana proses pembelajaran pelajar dianggap sebagai proses pemikiran kognitif atau penguasaan kemahiran yang mana memberi kesan terhadap pencapaian akademik mereka dalam pelajaran (Sukumaran, 1992).

Ini mencetus persoalan sama ada terdapat hubung kait antara gaya pengajaran guru dengan pencapaian akademik pelajar tingkatan 5 kursus Pengurusan Perniagaan bagi mata pelajaran perdagangan di Sekolah Menengah Teknik Datuk Seri Mohd Zin Alor Gajah Melaka.

#### **1.4 Objektif Kajian**

Objektif kajian adalah untuk:

- i. Mengenal pasti kelaziman gaya pengajaran yang digunakan oleh guru dalam mata pelajaran perdagangan.
- ii. Mengenal pasti sama ada terdapat hubungan antara gaya pengajaran guru dengan pencapaian akademik pelajar bagi mata pelajaran perdagangan.
- iii. Mengenal pasti gaya pengajaran guru yang paling diminati oleh pelajar bagi membantu mereka meningkatkan tahap pencapaian akademik dalam mata pelajaran perdagangan.

#### **1.5 Persoalan Kajian**

Kajian ini menumpukan kepada tiga persoalan seperti berikut:

- i. Apakah kelaziman gaya pengajaran yang digunakan oleh guru semasa mengajar mata pelajaran perdagangan?.
- ii. Adakah wujud hubungan antara gaya pengajaran guru dengan pencapaian akademik pelajar bagi mata pelajaran perdagangan?.
- iii. Apakah gaya pengajaran guru yang paling diminati oleh pelajar bagi membantu mereka meningkatkan tahap pencapaian akademik dalam mata pelajaran perdagangan?.

### 1.6 Kepentingan Kajian

Kepentingan kajian ini ialah melihat kelaziman gaya-gaya pengajaran yang digunakan oleh guru sewaktu mengajar mata pelajaran perdagangan. Selain itu kajian ini juga dapat mencari kesesuaian antara gaya pengajaran guru dengan gaya pembelajaran pelajar. Apabila kesesuaian antara gaya pengajaran dan gaya pembelajaran pelajar dicapai maka ini dapat membantu pelajar dalam memperolehi pencapaian akademik yang lebih baik. Seterusnya kajian ini juga dapat melihat sejauh mana kekuatan hubungan antara gaya pengajaran yang digunakan oleh guru dengan pencapaian pelajar dalam mata pelajaran perdagangan.

Dapatan daripada kajian ini, pengkaji menghasilkan satu garis panduan berkenaan gaya-gaya pengajaran yang telah di suai padankan dengan minat pelajar, seterusnya boleh digunakan dalam mengajar mata pelajaran perdagangan. Diharapkan garis panduan yang akan dihasilkan ini dapat menjadi panduan dalam membantu guru-guru menggunakan gaya pengajaran yang sesuai dalam proses pengajaran dan pembelajaran selaras dengan minat pelajar. Seterusnya dapat dimanfaatkan oleh guru-guru dalam memperbaiki gaya pengajaran mereka di dalam kelas bagi membantu pelajar memperolehi pencapaian prestasi akademik yang lebih baik. Selain itu kepentingan kajian ini ialah untuk memperbaiki kelemahan guru dan mempertingkatkan mutu pengajaran ke tahap yang lebih baik seterusnya meningkatkan kualiti pendidikan.

### 1.7 Skop Kajian

Kajian ini adalah tertumpu kepada usaha mendapatkan data dan maklumat tentang gaya-gaya pengajaran yang digunakan oleh guru-guru yang mengajar mata pelajaran perdagangan di Sekolah Menengah Teknik Datuk Seri Mohd Zin Alor Gajah Melaka. Gaya pengajaran guru melibatkan bagaimana seseorang guru itu menyampaikan pengajarannya di dalam kelas serta hubungan dengan para pelajar.

### 1.8 Batasan Kajian

Kajian ini dijalankan di Sekolah Menengah Teknik Seri Mohd Zin Alor Gajah Melaka. Oleh kerana pengkaji terhad dari segi masa maka kajian ini hanya melibatkan pelajar-pelajar tingkatan 5 bagi sesi pengambilan 2002 yang mengambil kursus Pengurusan Perniagaan.

Dalam kajian yang dijalankan pengkaji membataskan kajiannya dengan hanya menumpukan gaya pengajaran guru sahaja. Bagi membantu kajian ini keputusan peperiksaan akhir bagi mata pelajaran perdagangan pelajar-pelajar semasa di tingkatan empat akan diambil untuk mengukur tahap pencapaian akademik dengan gaya pengajaran guru. Oleh itu bagi persoalan mengenai hubungan dengan pencapaian akademik pelajar pengkaji hanya melihat hubungan dengan gaya pengajaran sahaja dan perkara-perkara lain yang berada di luar dimensi gaya pengajaran adalah dianggap konstan dan tidak diambil kira dalam kajian ini.

### 1.9 Definisi Istilah

Beberapa istilah atau ungkapan yang perlu dalam penulisan kajian mungkin mengelirukan dari segi makna yang berkaitan dengan kajian ini. Oleh itu beberapa istilah dan ungkapan yang dirasakan perlu diberikan maknanya adalah seperti berikut:

#### i. Pelajar

Orang yang mendapat petunjuk supaya mendapat panduan untuk melakukan sesuatu. Ia juga boleh dirujuk sebagai orang yang sedang belajar dan menuntut ilmu pendidikan secara formal untuk memperolehi pengetahuan di dalam sesuatu bidang. Biasanya pelajar belajar di institusi formal seperti sekolah, kolej dan universiti (Atan, 1993). Dalam kajian ini pelajar ialah pelajar-pelajar tingkatan 5 kursus Pengurusan Perniagaan di Sekolah Menengah Teknik Datuk Seri Mohd Zin Alor Gajah Melaka.

ii. Gaya pengajaran

Cara atau kaedah bagaimana seseorang guru menyampaikan pengajarannya. Dalam kajian ini gaya pengajaran dilihat melalui:

a. Pakar

Pengajaran berbentuk syarahan.

b. Wibawa Formal

Menekankan kepada peperiksaan.

c. Model Peribadi

Pengajaran berbentuk demonstrasi.

d. Fasilitator

Banyak melibatkan perbincangan kumpulan.

e. Delegator

Memerlukan pelajar menyumbang idea atau sumbang saran.

iii. Pencapaian akademik pelajar

Pencapaian merujuk kepada sesuatu yang dicapai atau diperolehi.

Pencapaian dalam kajian ini diukur merujuk kepada keputusan peperiksaan (mengikut gred) yang diperolehi pelajar. Dalam kajian ini gred tersebut telah dikategorikan seperti dalam jadual 1.1

**Jadual 1.1: Tahap Pencapaian Akademik Responden**

Tahap Pencapaian	Gred Kepufusan Peperiksaan
Cemerlang	1A, 2A
Kepujian	3B, 4B, 5C, 6C
Lulus	7D, 8E
Gagal	8F

### 1.10 Rumusan

Sebagai seorang guru adalah menjadi kewajiban bagi mereka untuk mendidik dan membentuk generasi muda akan datang supaya terpelihara sahsiahnya serta mempunyai tahap pencapaian akademik yang cemerlang. Sebagai seorang guru pastinya mereka mempunyai gaya pengajaran yang tersendiri dalam menyampaikan isi pengajarannya. Namun adakah gaya pengajaran ini dapat mempengaruhi tahap pencapaian akademik pelajar. Oleh itu di dalam bab ini telah membincangkan tentang latar belakang masalah, pernyataan masalah kajian, objektif kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian, batasan kajian dan istilah-istilah yang digunakan dalam kajian ini. Bab seterusnya akan membincangkan sorotan kajian serta melihat kajian-kajian yang telah dijalankan terhadap gaya pengajaran.



PTTA UTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

## **BAB II**

### **SOROTAN KAJIAN**

#### **2.1 Pengenalan**

Tujuan utama mengadakan pengajaran ialah mewujudkan aktiviti pembelajaran. Malah, keberkesanan pengajaran bergantung kepada kebolehan guru menggunakan kemahiran mengajar yang berjaya memudahkan aktiviti pembelajaran pelajar. Seharusnya aktiviti-aktiviti pengajaran adalah semata-mata ditumpukan untuk merangsang pelajar supaya menggerakkan mereka untuk belajar. Oleh itu menurut Mok (2001) pengajaran mempunyai dua fungsi yang utama iaitu merangsang pembelajaran dan mewujudkan situasi pembelajaran yang berkesan. Namun perkara yang penting sekali ialah tindakan guru sewaktu proses pengajaran iaitu mewujudkan keadaan yang selesa, penyampaian pengajaran yang boleh diterima oleh semua pelajar serta membekalkan motivasi sebagai rangsangan untuk menimbulkan minat pelajar dan menggerakkan mereka untuk terus belajar.

Oleh yang demikian di dalam bab ini membincangkan dengan lebih lanjut mengenai teori-teori dan model-model pengajaran dan pembelajaran untuk mewujudkan proses pengajaran yang berkesan. Fungsi utama teori-teori dan model-model yang dibentuk oleh pakar-pakar pendidikan ialah untuk memberi panduan kepada perancangan pengajaran yang lebih sempurna dan supaya guru-guru dapat membentuk rangka pengajaran yang lebih lengkap.

Selain dari teori-teori dan model-model pengajaran, bab ini juga membincangkan tentang gaya-gaya pengajaran guru serta mengenai dapatan kajian lepas dalam dan luar negara. Segala teori-teori dan model-model serta kajian-kajian yang lepas yang diperolehi akan digunakan sebagai sokongan dalam kajian ini.

## 2.2 Pengajaran Dan Pembelajaran

Pengajaran dan pembelajaran membabitkan beberapa pihak seperti guru, pelajar dan persekitaran. Isu dan masalah berkaitan tentang kesahaman, perlaksanaan dan sokongan pelbagai pihak yang terlibat harus diteliti dan diatasi. Pengetahuan yang luas, kesefahaman dan kerjasama semua pihak yang terlibat adalah penting dalam pengajaran dan pembelajaran.

Kurikulum Baru Sekolah Menengah (KBSM) menekankan supaya pengajaran diubah daripada berpusatkan guru kepada berpusatkan pelajar iaitu tidak lagi mengikut kaedah '*chalk and talk*'. Penglibatan para pelajar dalam pengajaran dan pembelajaran adalah digalakkan secara aktif supaya pembelajaran yang lebih berkesan dapat diadakan (Sukumaran, 1992).

Kim dan Kellough (1995) pengajaran berbentuk inkuiiri merupakan salah satu cara bagi menggalakkan pelajar bergiat secara aktif dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Pengajaran secara inkuiiri menggalakkan pelajar-pelajar bertindak sendiri dalam mencari, mengumpul dan menyelidik sesuatu ilmu. Melalui kaedah pengajaran inkuiiri pelajar didedahkan untuk berfikir kepada sesuatu perkara atau masalah dalam topik-topik pembelajaran mereka.


Jamaliah (1998) menjelaskan kemahiran berfikir adalah peringkat keupayaan berfikir yang boleh dilakukan oleh seseorang individu. Kemahiran ini meliputi kemahiran mengingat, mengimbas kembali, membuat penjelasan, menganalisis, menjana idea, membuat keputusan, perancangan dan mengatasi masalah. Kemahiran berfikir adalah seperti berfikir aras rendah atau aras tinggi; berfikir secara kritis atau

kreatif; berfikir secara menelentang atau menegak dan berfikir secara tertumpu atau mencapah.

### 2.3 Teori Pengajaran

Proses pengajaran dan pembelajaran meliputi perkara seperti aktiviti-aktiviti perancangan, pengelolaan, penyampaian, bimbingan dan penilaian dengan tujuan untuk menyebar ilmu pengetahuan atau kemahiran kepada pelajar-pelajar dengan cara yang berkesan. Diandaikan dan dijangkakan bahawa pengajaran guru akan membawa kepada sedikit sebanyak pembelajaran kepada pelajar (Mok, 2000a).

Koh (dalam Ishak, 1983) melihat dari segi perkaitan di antara pengajaran dan pembelajaran, maka pengajaran yang ideal haruslah membawa kesan yang sepenuhnya ke atas pembelajaran. Rajah 2.1 menunjukkan perkaitan tersebut.



Rajah 2.1: Kesan Pengajaran Yang Ideal

### 2.4 Model Pengajaran

Beberapa model pengajaran telah dibina oleh pakar pendidik dengan tujuan untuk menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran lebih berkesan. Di antara model-model tersebut ialah Model Pengajaran Robert Glaser, Model Ekspositori dan Model Pengajaran Sim.

## BIBLIOGRAFI

- Abdullah dan Khatijah (2002). "Orientasi Berasaskan Sekolah - Pemerhatian dalam Pengajaran dan Pembelajaran sebagai Proses Penyediaan Guru".  
<http://digest.myvirtec.net/docs/Abdullah2.doc>
- Atan Long (1993). "Pedagogi: Kaedah Am Mengajar". Petaling Jaya: Amiza Publishing Sdn. Bhd.
- Atan Long (1982). "Pedagogi: Kaedah Am Mengajar". Petaling Jaya: Amiza Publishing Sdn. Bhd.
- Bailey, K.D. (1992). "Kaedah Penyelidikan Sosial". Terjemahan Hashim Awang. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Bennett, N. and Carre, C. (Eds.) (1993). "Learning To Teach". London: Routledge.
- Blair, T.R. (1990). "Emerging Patterns Of Teaching: Front Method To Field Experience". Colombus: Maril Publishing Co.
- Blair, G.M., John, R.S. and Simpson, R.H. (1991). "Psikologi Pendidikan" Terjemahan Noran Fauziah Yaakub. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Brumfit, C. (1983). "Creating Coherence In ELT Teaching Training". Dalam Jordan, R.R. (Ed.) Case Studies in ELT. London: Collins ELT.
- Canton, J.J. (1986). "Developing And Managing Effective Instructional Plans". *Business Education Forum*. 40. (8). 12-14.
- Covey, G. (1982). "Group Technique". California: Brooks and Cole Publishing.
- Dick, W. and Raiser, R.A. (1989). "Teaching Student To Teach Themselves". New York: Nichols Publication.

Dunn, R. (1990). "Rita Dunn Answer Questions On Learning Style". *Educational Leadership*. **481**, (2). 15-119.

Ee Ah Meng (1987). "Pedagogi Untuk Bakal Guru". Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Gage, N.L. (1971). "Desirable Behaviour of Teacher In James Pathners, Studying Teaching". London: Prentice Hall Inc.

Grasha, A.F. (1996). "Teaching With Style". Cincinnati: Alliance Publication.

Heinich et. al. (1996). "Instructional Media and Technologies for Learning". New Jersey: Prentice Hall Inc.

Ishak Haron (Ed.) (1983). "erti Pengajaran Dan Model-Model Pengajaran". Ipoh: Utusan Publication.

Jabatan Kajian Sosial Maktab Perguruan Pasir Panjang (1997). "Penggunaan kaedah pengajaran dan pembelajaran Kajian Tempatan di Kalangan Guru Pelatih Semester 3 Sesi 1994/97 (ambilan Disember) Semasa Praktikum 1 (Januari hingga April 1996)". *Jurnal Wacana Pendidik*, 144-162.

Jamaliah Ahmad (Disember, 1998). "Strategi Pengajaran dan Pembelajaran Prasekolah Berkonseptan Kemahiran Berfikir". *Forum Penyelidikan Pendidikan Institusi Bahasa Melayu Malaysia*. **5**. 53-61

Kidder, R.M. (1991). "Ethnic Is Not Luxury: Its essential To Our Survival". *Education Week*. **10**, (28). 30-32.

Kim, E.C. and Kellough, R.D. (1995). "A Research Guide For Secondary School Teaching". 6th. ed. New Jersey: Prentice Hall Inc.

Kleine, P.F (1982). "Teaching Style". 5th. ed. *Encyclopaedia of Education Research*. **4**. 1927-1929.

- Kramlinger, T. and Huberty, T. (1990). "Behaviourism Versus Humanism" *Training And Development Journal*, 41-45.
- Landell, K. (1997). Management By Menu. London: Wiley and Son Inc.
- Lee Shok Mee (1997). "Psikologi Pendidikan 2 Teori Dan Aplikasi Psikologi Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran". Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- McCelland, D. C (1969). "Motivating Economic Achievement". The Free Press: New York.
- Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999). "Penyelidikan Pendidikan". Johor: Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.
- Mohd. Majid Konting (2000). "Kaedah Penyelidikan Pendidikan". Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Mohd. Salleh Abu dan Zaidatun Tasir (2001). "Pengenalan Kepada Analisis Data Berkomputer. SPSS 10.0 for Windows". Edisi Pertama. Kuala Lumpur: Venton Publishing.
- Mok Soon Sang (2001). "Pedagogi: Kaedah Am Mengajar". Petaling Jaya: Fajar Bakti.
- Mook Soon Sang(2000a). "Ilmu Pendidikan Untuk KPLI (Kursus Pengurusan Lepas Ijazah) Semester 1 & 2". Edisi Kedua KualaLumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Mok Soon Sang (2000b). "Pedagogi 2 Perlaksanaan Pengajaran". Edisi Ke-2. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.

Nasuddin Othman dan Kamariah Husin (1996). "Factor That Affect the Academic Performance of Some College Student". *Jurnal Peengurusan Pendidikan*. 5 (2). 24-28.

Noriah Mohd Ishak dan Nor Sakinah Mohamed (2002). "Gaya Pertautan, Gaya Pengajaran Dn Komitmen Terhadap Profesion Perguruan Di kalangan Guru-Guru Pelatih". <http://www.geocities.com/uitmcom/noriah.doc>

Omardin Bin Ashari (1999). "Pengajaran Kreatif Untuk Pembelajaran Aktif". Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Orsak, L (1990). "Learning Style Versus The Rip Van Winkle Syndrome Educational Leadership". 48. (2). 19-21.

Perrin, J. (1990). "The Learning Style Project For Potential Dropout". *Educational Leadership*. 48. (2). 23-24.

Rosini Abu dan Ramlah Hamzah (1998). "Pedagogi: Kurikulum dan Pengurusan Bilik Darjah". Selangor: Longman.

Sukumaran (1992). "Kaedah-Kaedah Mengajar Perdagangan". *Masalah Pendidikan*. 16. 121-160.

Salleh bin Tahar (1998). "Gaya Pembelajaran Ke Atas Pelajar-Pelajar Kejuruteraan". Universiti Teknologi Malaysia. Tesis

Seifert, K. (1983). "Educational Psychology". Boston: Houghton Mifflin Co.

Shaffe Bin Mohd Daud (1999). "Rekabentuk Dan Pengembangan Pengajaran Pembelajaran: Perkembangan Strategi Pengajaran". *Jurnal IPDA*. 1. 6.

Syarifah Alwiah (1983). "Kaedah-kaedah Am Dalam Pengajaran". Kuala Lumpur: Heinemann (Malaysia) Sdn Bhd.

Sturt, G. (2002). "Teaching Style". <http://www.psychology.colchsc.ac.uk/gary.htm>

Uma Sekaran (2000). "Research Method For Business". 3<sup>rd</sup>. ed. New York: John Wiley & Sons, Inc.

Wallen, N.E. and Fraenkel (2000). "How To Design And Evaluate Research In Education". 3<sup>rd</sup>. ed. San Francisco: McGraw Hill Inc.



PTTAUTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH